

Self-Favorability Bias (Part 1)

Azizi Hj Yahaya

1.0 PENDAHULUAN

Konsep sendiri merupakan satu salah satu idea yang popular dalam bidang psikologi. Pelbagai kajian mengenainya telah dibuat dan ditafsirkan dapatannya. Skop mengenai konsep sendiri ini amat meluas mencakupi sekurang-kurangnya 15 istilah sendiri berbeza yang digunakan oleh para pengkaji. Antaranya termasuklah harga diri, penerimaan sendiri dan penyempurnaan sendiri. Lazimnya, sebelum membuat sebarang penyelidikan, istilah-istilah sendiri berkaitan terutamanya konsep sendiri akan didefinisikan oleh pengkaji

Menurut Rogers (1951), konsep sendiri terdiri daripada unsur-unsur seperti persepsi terhadap ciri-ciri dan kebolehan seseorang, tanggapan dan konsep diri seseorang dalam hubungannya dengan orang lain dan alam sekelilingnya; kualiti-kualiti nilai yang digambarkan sebagai berhubungan dengan pengalaman serta matlamat dan idea yang digambarkan mempunyai nilai-nilai positif dan negatif. Burns (1982) pula melihat konsep sendiri sebagai satu keseluruhan persepsi seseorang terhadap dirinya. Ia mengandungi kepercayaan seseorang dan penilaian tentang dirinya sendiri. Beliau juga berpendapat bahawa konsep sendiri merupakan gabungan daripada dua unsur penting iaitu imej diri dan penilaian sendiri.

Sebagaimana dalam kajian-kajian empirikal yang lain, pengukuran dan penilaian dibuat untuk menguji sejauh mana hipotesis mengenai konsep sendiri dapat dibuktikan. Bagi melihat konsep sendiri seseorang, ahli-ahli psikologi telah menggunakan beberapa teknik pengukuran seperti laporan sendiri dan pemerhatian (Burns, 1979). Walau bagaimanapun, beberapa isu dalam pengukuran konsep sendiri telah dibangkitkan oleh para pengkaji. Antaranya termasuklah isu “bias” yang wujud dalam laporan sendiri.

Terdapat pelbagai jenis bias dalam laporan sendiri yang perlu diberi perhatian. Salah satu daripadanya ialah “self-favorability bias” yang wujud semasa seseorang individu membuat laporan sendiri. Sebelum mengkaji tentang kewujudan bias “self-favorability”, istilah-istilah yang berkaitan dengan tajuk akan diperjelaskan untuk pemahaman yang lebih mendalam selain mengelakkan kekeliruan.

CONTINUE...